

BENTUK-BENTUK PENGAMALAN DIALOG ANTARA AGAMA: KAJIAN AWAL

Aemy Elyani Mat Zain, Noor Idayu Binti Abd Wahid

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam

Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

aemyelyani@kuis.edu.my, nooridayu@kuis.edu.my

Nur Aisyah Abu Hassan

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

nuraisyah@gmail.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan bentuk-bentuk dialog antara agama yang menjadi amalan masyarakat dunia. Pengamalan dialog antara agama ini mencetuskan dua persepsi dalam kalangan umat Islam iaitu mencetuskan kesamarataan antara agama dan memupuk kesefahaman antara agama. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif daripada bahan-bahan bertulis. Didapati bahawa pengamalan dialog antara agama boleh mencetuskan salah faham jika umat Islam tidak jelas konsep setiap dialog antara agama yang diamalkan itu.

Kata kunci: *Bentuk, Pengamalan, Dialog antara agama, Malaysia*

PENGENALAN

Berdialog merupakan satu kebiasaan yang dilakukan oleh manusia normal (Aemy Elyani 2016) tidak kira apa juga latarbelakangnya. Berdialog boleh dilihat dalam dua aspek iaitu dialog sesama fikrah atau dialog dengan rakan yang berlainan fikrah. Fikrah yang dimaksudkan ini fikrah dari segi kefahaman tentang sesuatu walaupun akidah yang sama. Dalam erti kata lain *intra religious dialogue*. Fikrah juga boleh dilihat dari sudut pegangan akidah yang berbeza atau lebih dikenali *inter religious dialogue*. Maka di sini menerangkan bahawa perbuatan dialog itu adalah satu komunikasi dua hala yang melibatkan lebih daripada seorang individu. Ini dapat dibuktikan daripada tulisan Khadijah Mohd Kambali@ Hambali etal (2013) yang menyebutkan idealisma dialog ini adalah berbentuk percakapan atau perbincangan antara dua atau lebih daripada dua pihak mengenai sesuatu isu.

METODOLOGI

Metodologi kajian yang dilakukan berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data menumpu kepada data-data bertulis seperti kajian penyelidikan, artikel-artikel, laman sesawang dan juga buku-buku.

PENGAMALAN DIALOG ANTARA AGAMA: PERSPEKTIF SARJANA SEMASA

Kepelbagaian kaum dan agama di seluruh pelusuk dunia mendesak keberadaan mekanisme dialog antara agama untuk diamalkan dan diaplikasikan dalam komuniti tersebut. Secara umumnya, pengamalan dialog antara agama ada dibincangkan oleh para sarjana semasa dan mempunyai beberapa bentuk. Setiap bentuk dialog ini para sarjana meneliti akan kelebihan dan kekurangannya. Ini dapat dilihat dengan perbincangan yang dikemukakan oleh pemikir akademik di Malaysia yang melihat bahawa bentuk-bentuk dialog antara agama boleh berlangsung mengikut situasi dan kesesuaian rakyatnya.

Terdapat lima bentuk dialog akan dibahasakan iaitu dialog kehidupan atau dialog sosial, dialog melalui tindakan, dialog wacana atau dialog intelektual, dialog komunikasi pengalaman agama dan dialog ritual bersama.

Dialog kehidupan adalah salah satu bentuk dialog yang berlaku di Malaysia (Ahmad Sunawari 2003: 65 ; Rahimin Affandi et.al. 2011: 98) . Dialog kehidupan juga dianggap sebagai dialog sosial yang mana ciri-ciri yang ada pada dialog ini ialah ahli-ahli sesebuah masyarakat berusaha untuk hidup di luar batasan kelompok mereka yang mana mereka hidup secara terbuka dan berjiran, bersama-sama kongsi suka duka dalam masalah kemanusiaan tanpa dibatasi oleh ruang lingkup agama. Mereka juga hidup sebelah menyebelah, dalam satu kawasan perumahan atau kampung sama-sama bergotong-royong dan membantu antara satu sama lain di dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan agama. Dalam menghadapi kehidupan seharian, setiap individu yang berbeza anutan agamanya mampu menjalani kehidupan bersama dan bekerjasama, bahkan dalam masa yang sama mempraktikkan amalan keagamaan dan memperkukuhkan keagamaannya tanpa diskusi formal tetapi cukup melalui perantaraan nilai-nilai keagamaan yang ditonjolkan seharian (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (a) 2004:34 : (b) 2006:24). Amalan dialog kehidupan ini kelihatan mampu membendung konflik-konflik seperti permusuhan dan rusuhan yang berlaku di Kampung Rawa Pulau Pinang dan Kampung Medan yang mana isu keagamaan dijadikan sentimen permusuhan perkauman (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (a) 2004: 34 : (b) 2006: 24).

Kelebihan lain daripada pengamalan dialog kehidupan ialah membentuk kerjasama antara agama dalam satu komuniti yang sama. Contohnya, membentuk kebersamaan dan motivasi keagamaan terutamanya dalam menangani masalah sosial di Malaysia yang melibatkan rakyat negara ini tanpa dibatasi agama-agama tertentu (Khadijah Mohd Khambali @ Hambali ((a) 2004: 34: (b) 2006: 24). Selain itu, dialog ini membuka ruang bagi bukan Islam yang hidup dalam komuniti Islam memahami Islam dan gaya hidup Islam dan begitu sebaliknya bagi orang Islam yang hidup bermasyarakat dengan bukan Islam, contohnya ibadat sembahyang, berpuasa, menutup aurat dapat difahami oleh bukan Islam yang tinggal bersama dengan komuniti Islam (Suraya Sintang et.al. 2012 : 74).

Kedua ialah dialog melalui tindakan yang mana ciri-cirinya boleh dilihat apabila penganut-penganut agama bersepakat merancang dan melaksanakan tindakan berbentuk keperluan dan kepentingan bersama. Keistimewaan dialog melalui tindakan memupuk penganut-penganut agama berbeza ini bertindak seiringan dalam memastikan perkara-perkara yang bersifat hak-hak

kemanusiaan dan masalah sejagat dipelihara bersama. Dalam kata lain, usaha mengadakan dialog dalam bentuk tindakan ini adalah bertujuan membentuk „*a better human community and a better world*” (Ahmad Sunawari 2003:66). Umumnya, dialog sebegini dilakukan oleh badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan bukan Islam (Rahimin Affandi et.al. 2011: 98).

Selain daripada itu, bentuk dialog yang berada dalam konteks Malaysia ialah dialog melalui wacana atau dialog intelektual. Dialog ini dipecahkan kepada tiga ciri-ciri dan pendekatan yang berbeza iaitu, dialog melibatkan bilateral (dua agama sahaja) seperti dialog Muslim-Kristian. Kedua, dialog trilateral (*trialogue*) antara *Abrahamic Faith* iaitu Yahudi-Kristian-Islam dan dialog multilateral pula membabitkan pelbagai penganut agama dalam satu dialog seperti Islam-Kristian-Hindu-Buddha (Ahmad Sunawari 2003: 67 : Rahimin Affandi et.al. 2011: 99). Namun begitu, Rahimin Affandi (2011: 99) melihat suasana dialog ini masih lagi terhad berlaku di Malaysia kerana ia berlaku hanya di Institusi Pengajian Tinggi dan Institut Kefahaman Islam Malaysia serta skopnya adalah terbatas. Ini kerana, dialog tersebut memerlukan satu bentuk kemahiran insaniah yang perlu dipelajari dan dibudayakan. Bahkan, para pendialognya juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang pengkajian agama dan perbandingan agama selain memiliki kepakaran dalam bidang kajian teks kitab-kitab suci agama selain Islam dan benar-benar memahami dan menguasai ilmu berkenaan agama budaya (Rahimin Affandi et.al. 2011: 99).

Selain daripada dialog-dialog yang dikemukakan di atas, beberapa bentuk dialog lain yang dicadangkan oleh Khadijah Mohd Khambali @ Hambali ((a) 2004:35 & (b) 2006: 25) antaranya dialog komunikasi pengalaman agama yang mana ciri-cirinya adalah khusus di kalangan para pemimpin agama tertinggi dalam anutan agama tertentu melakukan praktikal ibadat di tempat penganut agama lain bagi merasai perbezaan suasana dan tingkatan keyakinan terhadap diri. Menurutnya lagi, dialog sedemikian hanya mampu dilakukan oleh kepimpinan agama sahaja atau individu tertentu yang ingin mengetahui kehidupan kepimpinan agama lain.

Seterusnya pula, dialog ritual bersama yang merupakan perhimpunan gergasi yang dihadiri oleh setiap penganut pelbagai agama bagi melaksanakan ritual keagamaan dengan bentuk keyakinan masing-masing dalam usaha mencapai kesejahteraan dan keamanan. Sebagai contoh, perhimpunan beramai-ramai di New York selepas peristiwa 911 yang menyaksikan doa, sembahyang dan ritual pelbagai agama dilaksanakan dan diterima sejagat sebagai satu bentuk dialog.

Douglas Pratt (2008: 33-34), pengkaji Barat juga melihat realiti bentuk dan model dialog antara agama adalah empat yang utama iaitu dialog kehidupan, dialog tindakan bersama, dialog komunikasi pengalaman agama dan dialog intelektual. Beliau memperincikan lagi dengan mengatakan bahawa tiga bentuk dan model dialog yang terawal itu berlaku dalam bentuk yang tidak formal dan tidak terancang sama ada perbualannya berkait dengan keagamaan atau sebaliknya. Berbeza dengan dialog intelektual yang tidak menumpukan pengamalan keagamaan sesuatu penganut, tetapi lebih menekankan aspek persefahaman antara satu sama lain yang mana melibatkan pemikiran yang kritikal dan bersikap empati terhadap rakan dialog yang lain (2008: 34).

Kesan yang ketara akan dialog intelektual ini dapat dilihat dengan pembinaan modul yang dikenali *An Indigenous Philosophy Module*. Tercetusnya idea akan keperluan *a roundtable dialogue* ini kerana hasil pertemuan dan perbincangan antara Prof. Samuel Imbo dan Prof. Azizan Baharuddin (Samuel O. Imbo 2011:15). Dengan menggunakan istilah *a roundtable dialogue* dalam penulisannya, beliau memperincikan lagi bahawa pertemuan dan dialog berlaku dengan kehadiran jemputan di kalangan ilmuwan dan ahli akademik dari pelbagai anutan agama dan institusi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) dan Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF). Mereka berkongsi pandangan masing-masing akan isu tersebut dan hasil dialog tersebut adalah merangka modul (2011). Ini bererti *a roundtable dialogue* yang diperkenalkan oleh Samuel O.Imbo merupakan bentuk dan model dialog intelektual yang telah dibincangkan sebelum ini kerana penulis meneliti bahawa ciri-ciri pada *a roundtable dialogue* sama dengan kriteria pada dialog intelektual di atas. Tambahan lagi, dari sudut takrifan dialog antara agama seperti yang dibincangkan di atas juga seiringan dengan perbahasan yang diperincikan oleh Samuel dalam penulisannya.

Sedikit berbeza dengan Wan Sabri et.al. (2012) yang menyebut empat bentuk dan model dialog antara agama yang telah dikelaskan oleh pengkaji luar iaitu *collective inquiry, critical-dialogic education, conflict resolution and peace building* dan *community building and social action*. Beliau menyatakan lagi bahawa umumnya dialog antara agama di Malaysia boleh berlaku seperti empat model dialog tersebut, contohnya *collective inquiry dialogue* yang dilakukan oleh agensi *Interfaith Spiritual Fellowship* (INSAF) melibatkan pertemuan bulanan mereka yang mana terbuka kepada ahlinya daripada pelbagai latar belakang agama, etnik dan budaya. Isu yang diperbincangkan berkenaan isu-isu semasa keagamaan seperti isu kalimah Allah dan isu kepala lembu (2012: 12). Selain itu, *critical-dialogic education* pula biasanya dilakukan oleh institusi pengajian tinggi seperti Kampus Kesihatan USM yang mengadakan ‘Minggu penghayatan Islam’ yang mana tujuan utama program ini melahirkan persefahaman antara rakyat pelbagai anutan agama di Malaysia. Isu-isu dan tema-tema yang diperbincangkan adalah doktrin agama dan nilai-nilai sejagat seperti konsep ketuhanan yang melibatkan panel-panel pelbagai agama berkongsi isu tersebut dalam konteks agama masing-masing (2012).

Seterusnya, *conflict resolution and peace building* juga lebih mirip *collective inquiry dialogue* yang membincangkan isu-isu semasa tetapi ia bukan sahaja isu agama bahkan juga peradaban. Model ini biasanya dipraktikkan oleh Pusat Dialog Peradaban dalam bentuk seminar seperti *Muslim Chinese Civilization Dialogue* (2005) dan dialog tertutup seperti dialog antara penganut agama mengenai isu-isu semasa (2008). Dalam dialog sebegini, biasanya mempunyai objektif untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang diperbincangkan (2012). Bentuk dan model terakhir ialah *community building and social action* yang memfokuskan jalinan hubungan antara agama, potensi mengadakan kerjasamaa antara agama dan isu yang melibatkan semua penganut agama (2012).

Justeru, daripada perbincangan yang telah Wan Sabri kemukakan, rumusan awal yang penulis dapati bahawa *collective inquiry, critical-dialogic education, conflict resolution and*

peace building adalah cabang atau aspek kecil yang berada di bawah model dialog intelektual atau dialog melalui wacana yang dibincangkan di atas. Ini kerana, isu-dan tema yang didialogkan dalam ketiga model tersebut melibatkan orang yang mahir dalam isu itu, memerlukan pemikiran yang kritis dalam dialog tersebut dan suatu resolusi atau rangka awal terbina hasil daripada dialog tersebut.

Manakala Mohammad Said Mitwally Ibrahim (2010) melihat dialog antara agama dalam konteks Islam berlaku hanya dalam dua bentuk sahaja iaitu dialog antara agama dalam konteks akademik dan dialog antara agama dalam konteks kemasyarakatan. Perbezaan yang ketara antara dua bentuk dialog tersebut ialah dialog antara agama dalam konteks akademik lebih kepada doktrin keagamaan, ketuhanan, dan falsafah contohnya kisah Kristian Najran dan Raja Habshah. Sebaliknya dialog antara agama dalam konteks kemasyarakatan pula berkonsepkan kerjasama antara manusia sejagat terhadap isu-isu yang melibatkan semua penganut agama seperti isu kemanusiaan dan isu alam semula jadi contohnya, perjanjian damai antara Rasulullah s.a.w. dengan kaum Yahudi di Madinah (2010).

Secara ringkasnya dapat dilihat bahawa sebahagian pemikir Muslim semasa Malaysia memperkenalkan bentuk-bentuk dialog antara agama di Malaysia iaitu dialog kehidupan atau dialog sosial, dialog tindakan bersama, dialog melalui wacana, dialog komunikasi pengalaman agama dan dialog ritual bersama. Kelima-lima bentuk dialog ini memiliki persamaan dari sudut keterlibatan antara penganut agama yang berbeza dan melibatkan proses interaksi dua atau lebih kumpulan dialog. Bentuk dan model dialog yang diperkenalkan ini sebenarnya telah wujud dalam catatan sejarah Islam, namun tidak mempunyai ukuran yang tertentu. Hanya gambaran yang jelas bentuk dan model dialog yang ada dalam sejarah Islam adalah dua sahaja iaitu berbentuk teologi dan sosial. Rumusan daripada perbincangan ini, penulis melihat tiga bentuk dan model dialog terawal yang dinyatakan oleh sebahagian pemikir Muslim semasa Malaysia wajar dan sesuai diadakan dalam konteks Malaysia. Kelihatannya bentuk dialog intelektual atau dialog melalui wacana mampu diperluaskan lagi dan relevan untuk dipraktikkan oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia kerana ciri-ciri dan kriteria yang ada pada dialog intelektual mampu melahirkan persefahaman antara penganut pelbagai agama di Malaysia dan menjalinkan hubungan yang baik antara masyarakat majmuk Malaysia khususnya apabila timbul isu-isu sensitif yang melibatkan agama dan perlu ditangani bersama melalui mekanisme dialog antara agama.

Manakala, dua bentuk terakhir dialog yang dibincangkan di atas, secara teorinya kelihatan mudah untuk diaplikasikan, namun dalam konteks Malaysia sekarang, ia suatu yang kurang relevan dan sukar dipraktikkan. Ini kerana halangan-halangan seperti kekeliruan kalangan rakyat Malaysia beragama Islam akan timbul. Hal ini turut didukung oleh Muhammad Shafiq (2007) yang melihat bahawa dalam menghadiri ritual dan ibadat penganut agama lain, peserta dialog Muslim seharusnya sebagai pemerhati ritual agama lain, bukan pula menyertai dan mengikutinya.

Begitu juga orang Islam seharusnya mengalu-alukan penganut agama lain yang berminat dengan agama Islam memerhati amalan ibadat orang Islam. Bahkan, di Malaysia, penduduk

majoritinya adalah umat Islam berpegang teguh dan tidak berkompromi dengan agama lain khususnya dari sudut aqidah. Pegangan umat Islam berdasarkan anjuran al-Quran, surah al-Kafirun: 1-6. Namun dari sudut mengadakan program dialog di tempat ibadat agama lain dan dialog „ritual“ bersama pernah dibincangkan kalangan ulama Islam terdahulu. Bagi dialog yang melibatkan Muslim berada di kawasan ibadat bukan Islam dan sebaliknya, majoriti ulama Islam bersepakat membenarkan bentuk dialog sebegini diadakan. Ini kerana sejarah Islam telah membuktikan bahawa baginda SAW pernah membenarkan utusan Kristian Najran memasuki masjid (Mohammad Said Mitwally Ibrahim 2010).

Manakala bagi bentuk dialog ritual bersama seperti yang dibahaskan oleh Khadijah Mohd Hambali @ Khambali di atas juga ada disentuh oleh ulama Islam terdahulu. Ciri-ciri praktikal dialog ini adalah sedikit berbeza yang mana turut melibatkan sekumpulan besar Muslim dan bukan Muslim dari pelbagai agama berkumpul pada satu tempat yang sama untuk melakukan ritual sembahyang masing-masing, tetapi mereka diasingkan dalam bilik yang berbeza, contohnya Muslim mempunyai bilik sembahyang sendiri yang menghadap kiblat. Di sana mereka melakukan sembahyang dalam agama masing-masing tetapi dalam perkumpulan yang sama (Mohammad Said Mitwally Ibrahim 2010). Dalam kata lain bentuk ritual dialog sebegini adalah *being together to pray, not praying together* (2010). Dalam konteks dialog ritual ini, sebahagian ulama Islam melarang sama sekali dialog sebegini kerana ia berbentuk syncretism dan bertentangan dengan prinsip dan ajaran Islam (2010). Ada pula sebahagian ulama Islam yang membenarkan dialog ini dengan alasan bahawa dialog ritual ini adalah satu bentuk dakwah yang terbaik khususnya melibatkan penganut pelbagai agama (2010).

Justeru, dalam konteks Malaysia kelihatannya pelaksanaan dialog ritual ini kurang praktikal dan kurang relevan. Ini kerana, masalah-masalah baru seperti semua agama adalah sama, menyembah Tuhan yang sama dan aqidah Islam –bukan Islam sama akan timbul khususnya di kalangan orang Islam di Malaysia. Oleh itu, praktikal dan relevan bentuk dialog di Malaysia adalah dialog kehidupan atau dialog sosial, dialog melalui tindakan dan dialog wacana atau dialog intelektual.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan pengamalan dialog antara agama menurut para sarjana adalah pelbagai dan mempunyai tujuannya tersendiri. Melalui bentuk-bentuk dialog antara agama yang dibincangkan ini menentukan bentuk dialog yang mana wujud dan harus diamalkan dalam konteks Malaysia. Bahkan bentuk-bentuk dialog antara agama yang dibincangkan ini sesuai dan relevan dijadikan medium dakwah terhadap bukan Islam dalam mengenali Islam dan membetulkan salah faham bukan Islam terhadap agama Islam. Dalam masa yang sama, terdapat juga bentuk dialog antara agama yang perlu dielakkan untuk diamalkan di Malaysia kerana mempunyai unsur-unsur kesamarataan agama yang boleh menyebabkan salah faham berlaku kalangan rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam.

Selain itu, cadangan seterusnya bagi memperhalusi makalah ini ialah meneliti dan menganalisis dari segi praktikalnya pengamalan bentuk-bentuk dialog antara agama ini yang telah ada di Malaysia. Ini kerana Malaysia yang kaya dengan penduduknya yang bersifat majmuk

sudah pasti ada pratikal dialog antara agama yang telah diamalkan oleh badan kerajaan atau badan bukan kerajaan. Bahkan, dalam masa yang sama perkara-perkara lain boleh ditelitikan dalam amalan dialog antara agama di Malaysia seperti mesej dialog dan rakan dialog yang terlibat dalam penentuan bentuk dialog tersebut.

RUJUKAN

- Aemy Elyani Mat Zain (2016). 'Kata kunci' Dialog antara Agama Para Nabi dan Rasul di dalam Al-Quran dalam Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, vol.3 bil.2, (304-312)
Agama (Dialog Peradaban): Suatu Paparan. *Meja Bulat 'Dialog Peradaban: Perspektif Islam*.2:1-40.
- Ahmad Sunawari Long. 2003. Dialog Antara Agama-Agama Pra Syarat Persefahaman Antara Agama-Agama dalam Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar & Muda @ Ismail Ab.Rahman (pnyt.). *Agama Dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*.
- Khadijah Mohd Hambali dan Khairul Nizam Mat Karim. 2004. Interaksi dan Dialog Agama (Dialog Peradaban): Suatu Paparan. *Meja Bulat 'Dialog Peradaban: Perspektif Islam*.2:1-40.
- Khadijah Mohd Hambali dan Khairul Nizam Mat Karim. 2006. Dialog Antara Agama (Dialog Peradaban) : Realiti, Aplikasi dan Cabaran. *Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan*. 2(20). 18-19 Jan.
- Khadijah Mohd Kambali@ Hambali, Suraya Sintang, Azmil Zainal Abidin (2013) Dialog antara Agama dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama menurut Perspektif Islam dalam TAFHIM:IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 6 (83-120).
- Muhammad Shafiq & Mohammed Abu Nimer. 2007. *Interfaith Dialogue: A Guide For Muslims*. USA : The International Institute of Islamic Thought.
- Pratt, D. 2008. *Faith To Faith: Issues In Interreligious Engagement*. Oxford: Ripon College Cuddesdon
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek di Malaysia dalam *Kajian Malaysia*. 29(2) -91-110.
- Suraya Sintang, Azizan Baharuddin & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. 2012. Dialogue of Life and Its Significance in Inter-Religious Relations in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. 2:69-79.
- Wan Sabri Wan Yusof & Arfah Ab. Majid.2012. Inter-Religious Dialogue Models in Malaysia. *Global Journal al-Thaqafah*. 2(1):7-13.